

07 MAY 2002

Wakaf-OIC/I

OIC PERLU TINGKAT HUBUNGAN ANGGOTA DAN CARI PEMIMPIN BERWIBAWA

Oleh: Norizatini Nor Ali dan Sharifah Nor Shahrizad Sharer

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu meningkatkan hubungan antara sesama anggota dan mencari pemimpin yang berwibawa antara mereka dalam usaha menjadi sebuah pertubuhan yang penting.

Mufti Besar Bosnia Mustafa Cerić berkata walaupun pelbagai sendaan dibuat terhadap OIC, negara-negara Islam masih memerlukan pertubuhan itu untuk menangani isu-isu penting berkaitan dunia Islam walaupun ia tidak dapat menyelesaikan sesetengah isu itu.

"Dari segi mempunyai pemimpin untuk mendengar mesej negara-negara Islam, kita masih belum mempunyainya," kata beliau.

Mustafa diminta mengulas kekesalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap tindakan banyak pihak mempersendakan OIC di atas ketidakberkesanan pertubuhan itu.

Mustafa juga berkata tidak ada pihak yang harus menuding jari dalam menangani ketidakberkesanan OIC.

"Terdapat 57 negara Islam dalam OIC, jika kita salahkan semua orang, dengan itu tiada siapa yang mahu bertanggungjawab," katanya.

Mustafa juga berkata sesetengah negara Islam perlu keluar daripada pemencilan mereka.

"Kita tidak boleh hidup dalam pulau yang terasing. Kita perlu sering bertemu, jika tidak kita boleh bertahan. Tidak harus ada sebarang pengasingan sebaliknya kerjasama," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Islam Sierra Leone Usman Nuruddin Sjah berkata OIC harus menjadikan kewujudannya dirasai oleh semua negara Islam terutamanya negara-negara yang menghadapi kesukaran.

Beliau menjadikan Sierra Leone sebagai contoh yang menurutnya setelah diserahkan kepada bukan Islam untuk diterajui selepas peperangan menyebabkan Pusat Islam negara itu ditutup. "membimbing kami selepas peperangan," katanya.

Usman juga berkata OIC memerlukan komitmen penuh setiap anggotanya.

"Komitmen itu bukan sahaja dari segi membiaya keperluan kewangan negara-negara Islam kurang membangun tetapi juga sokongan moral," katanya.

Beliau turut berkata bahawa OIC, sebagai pertubuhan tertinggi Islam, perlu menangani isu-isu politik umat Islam yang memberi kesan global kepada dunia.

Pengarah Kabinet bagi Menteri Pembangunan Sosial dan Perpaduan Nasional Senegal Moustapha LY pula berkata hubungan ekonomi antara negara-negara anggota tidak menimbulkan banyak masalah pada masa ini tetapi isu penting yang harus ditangani segera ialah mengenai perpaduan di kalangan anggota OIC.

"OIC perlu mengukuhkan perpaduan di kalangan negara-negara anggota dan ia sebenarnya harus dibuat sekarang," katanya.

-- BERNAMA

NN SNS MFJ NAK